

29 AUG 2003

Kadir-Lagu

RENTAK BARU LAGU NEGARAKU PADA MALAM AMBANG MERDEKA

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Lagu Negaraku berentak baru akan dipersembahkan buat kali pertama pada sambutan Ambang Merdeka di Dataran Merdeka, di sini tengah malam esok.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata lagu itu akan dimainkan selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melaungkan "Merdeka" sebanyak tujuh kali.

"Lirik masih sama. Cuma permulaan lagu itu perlahan seperti irama lagu Negaraku yang asal dan selepas itu, pergerakannya akan bertambah laju," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau ditemui pemberita selepas khutbah khas sempena Bulan Kemerdekaan di Masjid Negara serta solat Jumaat yang disertai Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, Dr Mahathir dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Jabatan Perdana Menteri sebelum ini menyatakan irama baru itu akan diperdengarkan buat pertama kali pada sambutan Hari Kebangsaan di Putrajaya dan mulai tarikh itu irama baru berkenaan akan menggantikan irama sedia ada.

Sementara itu, Abdul Kadir berkata kementeriannya bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah menyediakan doa selamat kemerdekaan negara untuk digunakan pada semua acara keagamaan termasuk Islam, Hindu, Buddha dan Kristian.

Beliau berkata doa selamat kemerdekaan itu bertujuan untuk mengeratkan lagi perpaduan antara kaum yang mempunyai satu hajat iaitu untuk memohon kesejahteraan negara dan rakyatnya dicurahi rahmat.

Beliau berkata doa itu telah diberikan kepada semua persatuan agama minggu lepas dan akan dibacakan di seluruh negara termasuk di Kelantan dan Terengganu.

-- BERNAMA

MRA RV MOZ